

# Sains dan Teknologi

UTUSAN MALAYSIA ■ SELASA 16 APRIL 1996

## Rawatan stroke guna Sonotron

Oleh NURUL HIMMAH HASSAN

**S**ATU perkara yang amat menggembirakan seseorang pesakit - terutamanya yang menghadapi penyakit kronik seperti penyakit strok, diabetes dan leukemia - ialah harapan baru bagi rawatan penyakit yang dihadapi.

Sebab itulah, sebarang penemuan dalam bidang perubatan pasti mendapat perhatian masyarakat.

Malah mereka sanggup mengeluarkan wang yang banyak untuk mendapatkan rawatan yang boleh membantu mengurangkan derita penyakit yang dihadapi.

Bagi Pengarah Pusat Kesihatan Pelajar (PKP), Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Dr. Yahaya Abu Ahmad, walaupun beliau berjaya mengalikasikan alat yang dinamakan Terapi Sonotron kepada pesakit strok, tetapi ia belum boleh diisyiharkan sebagai satu penemuan dan kejayaan kepada pemuliharaan penyakit strok.

Ini kerana, tidak ada garis panduan rawatan menggunakan alat itu pada bahagian-bahagian tertentu pada pesakit strok, tambahan pula ujian hanya dilakukan pada seorang pesakit sahaja.

Tetapi, sekurang-kurangnya kejayaan Dr. Yahaya itu menjadi satu alternatif kepada rawatan penyakit strok.

Sonotron adalah satu alat rawatan tanpa menggunakan ubat, yang digunakan untuk semua jenis penyakit sendi dan otot.

Ia membantu mengurangkan kesakitan dengan cepat, sekurang-kurangnya 15 minit.

Terapi itu amat sesuai digunakan untuk rawatan yang rumit, yang membatik bahagian-bahagian tertentu badan, yang tidak dapat ditembusi peralatan fizikal.

Dr. Yahaya dalam usaha menguji alat itu terhadap pesakit strok, telah merawat Bendahari UPM, Yusop Keling 53, yang diserang penyakit itu sejak 20 Oktober tahun lepas.

Menurut Dr. Yahaya, biasanya penyakit strok, sama ada yang 'menyerang' di sebelah kanan atau kiri badan, akan menghadapi pelbagai masalah sama ada untuk bergerak atau melakukan kerja-kerja harian.

Rawatan untuk pesakit strok, kata Dr. Yahaya, biasanya akan mengambil masa antara tiga bulan hingga dua

tahun, serta memerlukan rawatan secara berkumpulan, yang terdiri daripada para doktor, fisioterapi dan pekerja sosial.

"Bagaimanapun dengan adanya alat Sonotron ini, ia membantu mempercepatkan rawatan tersebut," katanya.

Bercakap mengenai idea penggunaan alat tersebut,

Dr. Yahaya berkata, Penyelaras Terapi Sonotron yang juga Pengarah Urusan Panmedic Sdn.Bhd., Yap Ming Tian telah memperkenalkan alat tersebut kepada diri.

"Encik Yap telah menunjukkan kepada saya, Sonotron boleh memulihkan penyakit sendi yang sering dialami juga oleh pesakit strok, dan yang menambahkan keyakinan saya ialah penemuan yang dilakukan oleh Yap dengan seorang doktor di Hospital Kuala Lumpur.

"Dengan menggunakan alat Sonotron, mereka berjaya merawat jangkitan ulser seorang pesakit diabetes yang telah menderita penyakit itu selama tiga bulan dan sembuh dalam masa tiga minggu sahaja," katanya.

Rentetan daripada itu, Dr. Yahaya memikirkan alat tersebut juga boleh digunakan untuk pesakit-pesakit strok dan beliau mula menjalankan ujian tersebut ke atas Yusop.

Ujian alat tersebut yang dilakukan ke atas Yusop, telah menunjukkan kemajuan dan perkembangan yang baik setiap hari dengan 28 sesi rawatan.

Bagaimanapun rawatan terus dijalankan dan tidak diketahui bila akan tamat kerana belum ada ujian seumpama ke atas pesakit strok sebelum ini.


Setiap sesi rawatan Sonotron akan mengambil masa 1 hingga 2 jam, yang akan menumpukan rawatan di beberapa bahagian badan.

Sonotron amat sesuai digunakan untuk rawatan yang rumit untuk menembusi bahagian-bahagian badan seperti 'groin' dan 'armpit' (ketiak).


Terapi itu juga boleh merawat bahagian bahu, sendi-sendi otot, tangan, lengan bawah dan pergelangan tangan, kaki dan paha.

Kelajuan kuasa Sonotron adalah 430 KHz gelombang frekuensi radio, dengan frekuensi bunyi antara 3 hingga 5Khz.

Kuasa pemancar adalah 1/60 kuasa yang digunakan oleh sebiji mentol lampu pokok Krismas dan tenaga yang masukti tisu badan pesakit adalah sama



DR. YAHAYA menunjukkan penggunaan Sonotron untuk merawat Yusop yang menghidap Stroke di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) Serdang, baru-baru ini.



SONOTRON

dengan tenaga bateri pada mesin kira (kalkulator) poket.

Dalam rawatannya ke atas Yusop, Dr.

serta bahagian tangan.

Dalam kes Yusop, Sonotron berjaya menunjukkan kemajuan dan tindak balas yang memberangsangkan selepas 10 hari.

Selaras dua bulan rawatan, banyak kerja yang tidak boleh dilakukan oleh Yusop.

Dengan 28 sesi rawatan Sonotron yang dilakukan ke atas Yusop, beliau dapat menggerakkan jari tangan dan kaki, boleh berjalan dengan lebih stabil tanpa bantuan, boleh menggenggam sesuatu benda dengan lebih kuat, serta deria rasanya berfungsi semula.

Di samping menggunakan alat itu, ia memudahkan pesakit strok menjalankan latihan-latihan fizikal dan pada masa yang sama ia dapat merangsangkan (jangkaan) urat saraf dan sel-sel yang dipancarkan dengan Sonotron.

Yahaya memberikan tumpuan kepada kawasan otak kerana ia pusat kepada segala pergerakan tangan dan kaki,